

| | | | |
|------------|----------------|---------|----------|
| TARIKH | 16 / 10 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 27 | RUANGAN | Nasional |

Kelab TaHa bimbing calon SPM di Seremban

Seremban: Seramai 200 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sekitar bandar ini berpeluang mendapat bimbingan menjawab soalan peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan Bahasa Inggeris.

Program berlangsung di Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, anjuran Unit Pendidikan BH dan Kelab TaHa Tabung Haji itu bertujuan meningkatkan kemahiran calon menjawab soalan berdasarkan aras peperiksaan sebenar.

Timbalan Pengarah Tabung Haji

Negeri Sembilan, Ramlan Saino, berkata program memberi manfaat kepada calon berdasarkan maklum balas yang diterima selepas seminar.

Katanya, rata-rata calon memahami penerangan daripada penceramah dengan mudah dan akan mengingati panduan yang diberikan sebagai tip berguna menjelang peperiksaan.

"Peserta bertuah kerana mendapat panduan menjawab soalan daripada guru pakar berpengalaman," katanya.

“

Calon memahami penerangan daripada penceramah dengan mudah, akan mengingati panduan yang diberikan sebagai tip berguna menjelang peperiksaan”

Ramlan Saino,
Timbalan Pengarah Tabung Haji
Negeri Sembilan



Peserta seminar SPM tajaan Kelab TaHa Tabung Haji di Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Seremban.